



JABATAN AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

ALAM DIPELIHARA, WASPADA BENCANA

Tarikh Dibaca :

**25 Rabiulawal 1441H/
22 November 2019M**

Disediakan oleh :

**Cawangan Khutbah dan Latihan
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan**

**ALAM DIPELIHARA, WASPADA BENCANA**

22 November 2019M/ 25 Rabiulawal 1441H

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَنَتُوبُ إِلَيْهِ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِ اللَّهُ فَهُوَ الْمُهْتَدِ وَمَنْ يُضْلِلْ فَلَنْ تَجِدَ لَهُ وَلِيًّا مُرْشِدًا.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَ بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيهُكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَّفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوقَ بَعْضٍ دَرَجَتِ لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا

أَتَّكُمْ
١٦٥
إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَغَفُورٌ رَّحِيمٌ

Sidang Jemaah yang dirahmati Allah,

Pada hari yang mulia ini, khatib menyeru kepada seluruh kaum muslimin supaya kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan dalam masa yang sama meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita semua dibangkitkan dalam kalangan orang-orang yang bertaqwa di akhirat kelak.

Alam sekitar adalah amanah daripada Allah SWT. Sekiranya tidak dipelihara, ia akan mengundang bencana. Justeru, tajuk khutbah pada hari ini ialah, “Alam Dipelihara, Waspada Bencana”.



Sidang Jemaah yang berbahagia,

Alam sekitar adalah anugerah Allah SWT yang amat bernilai kepada kesejahteraan kehidupan. Allah SWT telah mencipta alam ini dengan sempurna dan seimbang untuk kemakmuran manusia. Bumi yang luas dijadikan tempat tinggal manusia, gunung-ganang sebagai pasak bumi, tumbuh-tumbuhan sebagai sumber makanan dan ubatan kepada kehidupan dan hujan sebagai sumber rezeki. Demikian juga dengan berbagai jenis haiwan sama ada di daratan atau di lautan yang dijadikan untuk kemudahan hidup manusia. Semua ini dijadikan oleh Allah SWT supaya manusia bertanggungjawab ke atasnya. Perkara ini jelas menerusi firman Allah SWT dalam surah al-An'am, ayat 165:

Bermaksud: “*Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaanNya, dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Mengasihi.*”

Justeru, menjaga alam sekitar adalah amanah daripada Allah SWT. Allah SWT telah mengurniakan akal kepada manusia supaya dapat mengurus alam sekitar dengan sebaiknya. Di samping itu, Allah SWT menjadikan alam ini ada *sunnatullah* dan sistemnya yang tersendiri yang mesti dituruti bagi mengelakkan sebarang kerosakan. Semua perkara ini mengandungi hikmah yang sangat besar.

Hadirin Jumaat yang dikasihi sekelian,

Islam sebagai agama yang rahmah telah memberikan satu penekanan yang serius mengenai penjagaan alam sekitar. Islam menyeru supaya



mengekalkan pemeliharaannya sebagai satu kurniaan atau nikmat Allah SWT yang agung. Memang benar, fenomena alam sperti hujan lebat, kemarau, ribut petir, taufan, tsunami dan sebagainya adalah sebahagian daripada *sunnatullah* dan proses kitaran alam.

Namun tidakkah kita sedar, tabiat buruk kita yang tidak dibendung seperti membuang sampah merata-rata, membuang sisa buangan termasuk bahan kimia secara terus ke sungai dan laut, melepaskan asap kilang tanpa tapisan, menceroboh hutan secara berleluasa, menjalankan aktiviti pembangunan secara tidak terkawal, melakukan pembakaran secara terbuka dan pelbagai aktiviti seumpamanya turut memberi kesan besar terhadap alam sekeliling.

Akibatnya, berlakulah peningkatan suhu bumi, pencemaran air dan udara, banjir, tanah runtuh, kepupusan flora dan fauna, serta perubahan cuaca yang tidak menentu yang pastinya menjelaskan kehidupan manusia. Hakikatnya, pelbagai bencana dan kerosakan alam sekitar yang berlaku di seluruh dunia adalah disebabkan oleh kerakusan tangan-tangan manusia. Firman Allah SWT menerusi surah al-Rum, ayat 41:

ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتِ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذْقِهِمْ بَعْضَ الَّذِي عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ

٤١

Bermaksud: “*Telah timbul berbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan-tangan manusia; (timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat).*”



Justeru, dengan sedikit cubaan dan ujian daripada Allah SWT yang telah menimpa kita, tiada alasan lagi untuk kita tidak mengubah sikap kepada lebih bertanggungjawab dalam menjaga kelestarian alam sekitar. Mudah-mudahan Allah SWT mengurniakan keselamatan dan kesejahteraan kepada kehidupan kita kerana kita mensyukuri nikmatNya dengan memelihara alam sekitar.

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Kejadian bencana alam adalah peringatan kepada manusia yang lalai dan leka. Menyedari bencana alam seringkali berlaku tanpa diduga, maka kesedaran tentang peranan dan tanggungjawab semua pihak dalam mengurus dan mengurangkan bencana alam mesti dipertingkatkan. Lantaran itu, Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri akan bertindak sebagai sekretariat menguruskan bencana alam bersama agensi-agensi yang lain. Namun, usaha tersebut perlu diperkuuhkan melalui sokongan dan kerjasama padu semua pihak sama ada swasta, badan bukan kerajaan dan masyarakat.

Masyarakat merupakan kumpulan pertama yang akan berhadapan dengan musibah tersebut. Justeru, penerapan terhadap kesedaran bencana dalam kalangan masyarakat adalah amat penting bagi mengurangkan impak sesuatu bencana. Pada masa yang sama, setiap anggota masyarakat perlu melibatkan diri secara aktif dalam pengurusan bencana ini sama ada sebelum, semasa dan selepas ia berlaku.

Bagi memastikan keselamatan kita terjamin maka langkah-langkah berikut perlu dilakukan iaitu mengenal pasti risiko-risiko bencana yang wujud di lokasi penempatan; mengenal pasti petunjuk-petunjuk awal sebelum



bencana berlaku; mengenal pasti tempat selamat atau pusat pemindahan untuk berlindung sekiranya berlaku bencana; dan merancang aktiviti-aktiviti sebelum, semasa dan selepas sama ada untuk mencegah dan mengurangkan kesan bencana.

Di samping kesedaran menjaga alam sekitar, kita juga perlu memastikan keadaan persekitaran tempat kediaman sentiasa bersih dan terpelihara terutama pada tempat-tempat yang dikhawatiri boleh menjadi punca bencana alam berlaku seperti banjir kilat yang berpunca dariapda saluran air tersumbat. Dalam pada itu, sebagai masyarakat perihatin, kita juga mestilah mengenal pasti jiran tetangga yang akan menghadapi kesukaran berpindah jika berlaku bencana alam terutamanya Orang Kelainan Upaya (OKU), warga tua, wanita hamil dan kanak-kanak. Bantulah mereka sedaya mungkin dalam menghadapi situasi tersebut. Di samping itu, kita juga perlu mengetahui talian kecemasan semasa bencana supaya pihak-pihak berkaitan dapat segera memberikan bantuan kecemasan kepada mangsa-mangsa bencana.

Susungguhnya kita amat dituntut untuk sentiasa memohon perlindungan daripada Allah SWT ketika menghadapi kesusahan dan bencana. Imam Abu Dawud r.h telah meriwayatkan hadith daripada Abu al-Yasar RA, bahawa Rasulullah SAW berdoa:

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْهَمْدِ وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ التَّرَدِّي وَأَعُوذُ بِكَ مِنَ الْغَرَقِ وَالْحَرَقِ
... وَالْهَرَمِ

Bermaksud: "Ya Allah, Sesungguhnya aku berlindung kepadaMu daripada kehancuran, dan aku berlindung kepadaMu daripada kebinasaan. Aku juga



berlindung kepadamu daripada tenggelam lemas, terbakar dan menjadi nyanyuk (kerana tua)..."

Sidang hadirin yang dikasihi sekelian,

Kesimpulan yang dapat diambil daripada khutbah hari ini ialah:

Pertama: Alam sekitar adalah anugerah Allah kepada hamba-hambaNya supaya dapat dimanfaatkan untuk tujuan keperluan kehidupan di dunia.

Kedua: Bencana alam adalah fenomena yang berlaku akibat kerakusan manusia yang tidak bertanggungjawab.

Ketiga: Semua pihak hendaklah merancang dan bersedia untuk menghadapi segala kemungkinan bencana yang bakal melanda.

Firman Allah SWT dalam surah al-Syura, ayat 30:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَمَا أَصَبَّكُمْ مِنْ مُصِيبَةٍ فِيمَا كَسَبْتُ أَيْدِيكُمْ وَيَغْفُرُ عَنِ كَثِيرٍ

٢٠

Bermaksud : "Dan apa jua yang menimpa kamu dari sesuatu kesusahan (atau bala bencana), maka ia adalah disebabkan apa yang kamu lakukan (dari perbuatan-perbuatan yang salah dan berdosa); dan (dalam pada itu) Allah memaaafkan sebahagian besar dari dosa-dosa kamu."

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّا كُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاؤَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ



لِيْ وَلُكْمُ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدِ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى أَهْلِهِ
وَاصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقْوَاهُ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِإِيمَنِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالْتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى
النَّبِيِّ يَسَّاَهَا الَّذِينَ أَمْنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا

56

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ حَمِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُقِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنِ التَّابِعِينَ وَتَابِعِيِ
الْتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضُ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.



اللَّهُمَّ أَيْدِنَا بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهِدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ مَلِكَنَا كِبَاوَهُ دُولِي يُغْمِي مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قُدوَّكَ بِكِينِدا يُغْمِي دُقْرُتوانِ اكْنُوغُ، السُّلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهُ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانُ حَاجُّ أَحْمَدُ شَاهُ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذِلِكَ كِبَاوَهُ دُولِي يُغْمِي مَهَا مُولِيَا سَرِيْ قُدوَّكَ بِكِينِدا رَاجِ فِرْمَايُوسُورِي اكْنُوغُ، تُونِكُو (Tunku) حَاجِهِ عَزِيزَةِ أَمِينَةِ مِيمُونَةِ إِسْكَنْدَرِيَّةِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكِّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَّرَاءَهُ وَقُضَّاَتِهُ وَعَمَالَهُ وَرَعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ .

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيْزِيَا آمِنَاً مُطْمَئِنًا، سَخَاءَ رَخَاءَ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَآمِنٌ وَآمَانٌ، وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ .

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَانْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاحْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِيْ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

يَا اللَّهُ، جَادِيْكَنَهُ كَامِي اُرْغَعْ ۲ يُغْمِي مَنْدِيرِيْكَنْ صَلَاتَهُ سِچَارَا بِرْجَمَاعَهُ دَانْ مَنْوَنِيْكَنْ زَكَةَ مَلاَلوِعيْ قُوْسَتْ قُوْغُوتَنْ زَكَةَ مَجَلِيسِ اكْمَ إِسْلَامَ وَلَاهِيْ فِرْسَكُوتَوَانْ سَرَتَا رَحْمَتِيْلَهُ كُوكُولُوغُنْ يُغْمِي مَنْوَنِيْكَنْ زَكَاهُ . جَادِيْكَنَهُ اوْسَهَا MAIWP دَالِمَ مَغَاكِيْكَنْ زَكَاهُ دَولَاهِيْ فِرْسَكُوتَوَانْ سِباَكَاهُ سَاتُو لَغُكَهُ يُغْمِي بِرْكَسَنْ باَكِيْ مَلْقَسَكَنْ اَصْنَافَ دَريْ بِلَغُكَوْ كَمِيسَكِيْنَ .

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ .

عِبَادَ اللَّهِ،



إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَةِ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٩٠

فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.